

27/10/2000

Belanjawan 2001, belanjawan lebih

HARI INI, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin membentangkan perancangan kewangan dan pembangunan negara untuk tahun 2001 di Parlimen.

Apa yang akan ada di dalamnya sentiasa menjadi teka-teki sehingga beliau mendedahkan apa yang kerajaan hendak lakukan dalam ucapan belanjawan yang dijangka mengambil masa satu setengah jam.

Sesetengah kalangan menyifatkan belanjawan Kerajaan Persekutuan sebagai dokumen kehidupan kerana kandungannya mempunyai kesan ke atas semua peringkat masyarakat.

Benar, kerana ucapan belanjawan adalah lebih daripada hanya cukai. Satu aspek penting belanjawan adalah strategi pembangunan kerajaan untuk tahun itu dan bagaimana ia mahu pembangunan ekonomi dan sosial negara diteruskan.

Dalam Belanjawan 2000, terasnya adalah mengenai mengekalkan pemulihan ekonomi negara dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sejajar dengan potensi pembangunan negara.

Strategi lain termasuk meningkatkan daya saing negara dan daya pegas terhadap risiko luaran dan menggalakkan sektor perkhidmatan sebagai sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan sektor pertanian.

Strategi belanjawan kerajaan tahun lalu juga memasukkan membangunkan kemahiran dan pengetahuan sumber manusia negara dan meneruskan berbagai program sosial untuk kesejahteraan rakyat dan alam sekitar.

Dalam kata lain, ucapan belanjawan adalah dokumen dinamik yang menggariskan apa yang kerajaan sediakan untuk setiap orang.

Bagi 2001, Daim sudah membayangkan bahawa belanjawan ini akan mengandungi "berita baik untuk orang ramai".

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga memberitahu bahawa Belanjawan 2001 adalah belanjawan lebih.

Tetapi seperti biasa, cadangan cukai sentiasa diperhati dan dianalisis kerana ia akan memberi kesan kepada saku dan kocek pengguna dan lembaranimbangan syarikat.

Cadangan seperti itu termasuk dalam empat bahagian - mengenakan cukai dan duti baru, meningkatkan tahap cukai atau duti sedia ada, mengurangkan cukai dan duti sedia ada dan menghapuskan sama sekali cukai dan duti.

Banyak yang sudah dikatakan sejak beberapa hari lalu mengenai apa yang kerajaan patut lakukan dan apa yang tidak seharusnya dilakukan. "Senarai harapan" agak panjang dan semakin besar.

Contohnya, ramai penganalisis menjangkakan kerajaan akan menangani isu cukai pendapatan korporat dan individu. Pemotongan cukai pendapatan korporat dan individu bermakna lebih banyak wang boleh digunakan oleh syarikat dan individu untuk merangsang perbelanjaan serta menarik pelaburan asing.

Ramai perunding cukai mengharapkan kerajaan mengurangkan cukai korporat kepada 27 peratus daripada 28 peratus sekarang untuk menjadikan Malaysia lokasi yang menarik untuk perniagaan.

Mereka juga merasakan bahawa kadar tertinggi cukai pendapatan peribadi harus diturunkan kepada 28 peratus daripada 29 peratus sekarang.

Satu lagi bidang yang sering dilihat adalah kos menjalankan perniagaan di Malaysia, khususnya bagi syarikat yang berpangkalan di Malaysia tetapi operasinya dijalankan di luar negara.

Perkara ini harus diberi perhatian serius, kata pakar cukai, jika Malaysia hendak menarik lebih banyak firma asing, terutamanya peneraju

pasaran dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, untuk membuka perniagaan di negara ini.

Mereka yang terbabit sektor hartanah dan pembinaan juga mengharapkan kerajaan akan bertindak mengurangkan lebih hartanah dan merangsang lebih banyak urus niaga hartanah.

Untuk merangka belanjawan, satu siri dialog sudah diadakan awal tahun ini bagi membolehkan pegawai Perbendaharaan mengetahui apa yang dikehendaki orang awam dan sektor swasta.

Pandangan yang dikumpul menerusi memorandum digunakan oleh pegawai Kementerian Kewangan untuk menyediakan belanjawan itu.

Bersama-sama dengan ucapan belanjawan, kerajaan juga akan mengeluarkan Laporan Ekonomi Perbendaharaan 2000/2001 yang mengandungi ulasan dan analisis mengenai sektor ekonomi dan sosial negara. - Bernama

(END)